

**TERMA & SYARAT CABUTAN BERTUAH PENYUMBANG TABUNG DANA WAKAF**  
**P.U.L.I.H YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

Kategori 1 - Kakitangan CIMB Group

- a. Kempen ini anjuran Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dengan kerjasama CIMB Islamic Bank Berhad.
- b. Penyertaan terbuka kepada semua kakitangan CIMB Group di seluruh Malaysia. Kakitangan YWM tidak layak menyertai kempen ini.
- c. Setiap kakitangan CIMB Group boleh menyertai kempen ini dengan menyumbang kepada Tabung Dana P.U.L.I.H YWM melalui CIMB Clicks! dengan menggunakan akaun bank CIMB Bank Berhad atau CIMB Islamic Bank Berhad atas nama peserta sahaja.
- d. Memandangkan Dana P.U.L.I.H ini merupakan salah satu dana di bawah produk Sijil Wakaf Tunai Kesihatan YWM, hanya sumbangan yang diterima melalui transaksi ke **Tunai KESIHATAN** sahaja diambil kira dalam kempen ini. Sumbangan selain ke **Tunai KESIHATAN** tidak akan dikira.
- e. Setiap transaksi sumbangan mewakili satu penyertaan. Nilai yang disumbangkan adalah dalam gandaan RM10. Setiap peserta hanya layak menerima 1 hadiah sahaja.
- f. Kakitangan CIMB Group perlu menyatakan nombor Pengenalan Pekerja di bahagian "NRIC" apabila melakukan transaksi "Pay Bills"
- g. Peraduan bermula 1 Februari 2021, jam 12.01 tengah malam dan tarikh tutup penyertaan pada 30 April 2021, jam 11.59 tengah malam
- h. Pemenang akan ditentukan berdasarkan CABUTAN yang akan dibuat oleh YWM.
- i. Para pemenang akan dihubungi oleh YWM. Peserta yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 3 bulan dari tarikh kempen ditutup adalah tidak berjaya.
- j. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai.
- k. Hadiah yang ditawarkan berupa 11 baucar penginapan selama 2 hari 1 malam beserta Pakej Makan di mana-mana hotel wakaf di bawah pengurusan YWM, iaitu:
  - a. Hotel Pantai Puteri (JAWHAR-MAIM), Tanjung Kling, Melaka;
  - b. Hotel Seri Warisan (JAWHAR-MAIPk), Taiping, Perak; dan
  - c. Hotel Grand Puteri (JAWHAR-MAIDAM), Kuala Terengganu, Terengganu.

- l. Baucar tersebut hanya sah sehingga 30 April 2022.
- m. Dengan menyertai kempen ini, peserta dianggap BERSETUJU untuk mematuhi syarat-syarat dan terma peraduan. Penganjur berhak untuk menukar syarat-syarat dan terma peraduan tanpa perlu memberi notis kepada peserta dan peserta bersetuju untuk mematuhi pertukaran tersebut.
- n. Keputusan penganjur adalah MUKTAMAD. Sebarang surat menyurat dan segala bentuk komunikasi TIDAK akan dilayan. Penganjur berhak membatalkan keputusan pemenang yang didapati melanggar syarat-syarat dan terma peraduan tanpa perlu memberi notis kepada mana-mana pihak.
- o. Semua kos yang berkaitan untuk menyertai kempen ini adalah tanggungjawab peserta sepenuhnya.
- p. Dengan menyertai peraduan ini, peserta memberi kebenaran kepada pihak penganjur untuk menggunakan butir-butir peribadi, nama dan/atau gambar pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan, perdagangan dan/atau publisiti dan peserta tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.
- q. Sebarang pertanyaan dan untuk maklumat lanjut, sila tinggalkan mesej (melalui aplikasi WhatsApp) di talian 019-2007481.

Kategori 2: Pelanggan / Pemegang Akaun CIMB Bank Berhad & CIMB Islamic Bank Berhad (CIMB)

1. Kempen ini anjuran Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dengan kerjasama CIMB Islamic Bank Berhad.
2. Penyertaan terbuka kepada semua pemegang akaun CIMB (peserta) di seluruh Malaysia. Kakitangan YWM dan CIMB Group tidak layak menyertai kempen ini.
3. Pemegang akaun CIMB boleh menyertai peraduan ini dengan menyumbang kepada Tabung Dana P.U.L.I.H YWM melalui CIMB Clicks! dengan menggunakan akaun bank CIMB atas nama peserta sahaja.
4. Memandangkan Dana P.U.L.I.H ini merupakan salah satu dana di bawah produk Sijil Wakaf Tunai Kesihatan YWM, hanya sumbangan yang diterima melalui transaksi ke **Tunai KESIHATAN** sahaja diambil kira dalam kempen ini. Sumbangan selain ke **Tunai KESIHATAN** tidak akan dikira.
5. Setiap transaksi sumbangan mewakili satu penyertaan. Nilai yang disumbangkan adalah dalam gandaan RM10. Setiap peserta hanya layak menerima 1 hadiah sahaja.
6. Kempen bermula 1 Februari 2021, jam 12.01 tengah malam dan tarikh tutup penyertaan pada 30 April 2021, jam 11.59 tengah malam
7. Pemenang akan ditentukan berdasarkan CABUTAN yang akan dibuat oleh YWM.
8. Para pemenang akan dihubungi oleh YWM. Peserta yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 3 bulan dari tarikh kempen ditutup adalah tidak berjaya.
9. Hadiah boleh dituntut dengan membawa slip sumbangan melalui CIMB Clicks sebagai bukti penyertaan.
10. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai
11. Hadiah yang ditawarkan adalah mana-mana seperti berikut:

Hadiah pertama	1 unit telefon bimbit VIVO Y50
Hadiah ke-2	1 unit Amazfit GTS AMOLED display 5 ATM Water Resistance
Hadiah ke-3	1 unit Philips Electric Pressure Cooker
Hadiah ke-4	1 unit SonicGear AirPhone Noise Cancellation Bluetooth Headphones

Hadiah ke-5 hingga ke-8	4 unit Pineng power bank 20000mah (1 unit setiap pemenang)
-------------------------	------------------------------------------------------------

12. Dengan menyertai peraduan ini, peserta dianggap SETUJU untuk mematuhi syarat-syarat dan terma peraduan. Penganjur berhak untuk menukar syarat-syarat dan terma peraduan tanpa perlu memberi notis kepada peserta dan peserta setuju untuk mematuhi pertukaran tersebut.
13. Keputusan penganjur adalah MUKTAMAD. Sebarang surat menyurat dan segala bentuk komunikasi TIDAK akan dilayan. Penganjur berhak membatalkan keputusan pemenang yang didapati melanggar syarat-syarat dan terma peraduan tanpa perlu memberi notis kepada mana-mana pihak.
14. Semua kos yang berkaitan untuk menyertai peraduan ini adalah tanggungjawab peserta sepenuhnya.
15. Dengan menyertai peraduan ini, peserta memberi kebenaran kepada pihak penganjur untuk menggunakan butir-butir peribadi, nama dan/atau gambar pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan, perdagangan dan/atau publisiti dan peserta tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.
16. Sebarang pertanyaan dan untuk maklumat lanjut, sila tinggalkan mesej (melalui aplikasi WhatsApp) di talian 019-2007481.